

PEMAKLUMAN BERKENAAN PERMOHONAN PEMBAYARAN YURAN PELAJAR PASCASISWAZAH SEMESTER 1 2020/2021 MELALUI PENGELUARAN KWSP SECARA DALAM TALIAN

Adalah dimaklumkan bahawa pihak UMP telah menambahbaik proses pengeluaran KWSP bagi tujuan pendidikan yang melibatkan para pelajar UMP. Proses ini adalah merujuk kepada penggunaan sistem dimana KWSP yang telah menyediakan permohonan pengeluaran KWSP bagi tujuan pendidikan secara dalam talian iaitu Sistem E Pengeluaran KWSP.

Oleh yang demikian, dengan penggunaan sistem tersebut pihak Jabatan Bendahari UMP tidak lagi mengeluarkan Surat Pengesahan Pelajar bagi tujuan pengeluaran KWSP secara manual seperti sebelum ini. Ia juga mengambil kira Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang masih berkuatkuasa bagi memudahkan semua urusan pelajar yang boleh dibuat secara dalam talian sahaja.

Oleh itu, sebarang permohonan perlulah melalui Sistem E Pengeluaran KWSP berkenaan memandangkan sistem berkenaan telah boleh digunapakai sepenuhnya. Melalui sistem berkenaan semua permohonan oleh pencarum, pengesahan oleh pihak UMP dan pembayaran oleh pihak KWSP akan dilaksanakan secara atas talian. Bagi tujuan berkenaan, pihak kami sertakan bersama-sama panduan bagi menggunakan sistem tersebut.

Sila rujuk panduan bagi proses permohonan di pautan ini:

https://bendahari.ump.edu.my/images/INFORMASI-PDF/INFORMASI-BAHAGIAN-KEWANGANPELAJAR/Panduan-E-Pengeluaran-KWSP_UMP-1_9-Jun-2020.pdf

(Rujuk Portal Jabatan Bendahari)

Semua pelajar Pascasiswazah adalah dinasihatkan untuk membuat permohonan awal iaitu sebelum semester bermula bagi melancarkan proses pendaftaran semester 1 2020/2021 pelajar.

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara di atas, Sila hubungi kami di talian 09-5492330/2326.

Sekian, terima kasih

BAHAGIAN KEWANGAN PELAJAR

Jabatan Bendahari